

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : DATUK SERI PANGLIMA MADIUS TANGAU**

**SOALAN :**

**Datuk Seri Panglima Madius Tangau [ Tuaran ] minta MENTERI INDUSTRI UTAMA menyatakan :-**

- (a) status terkini skim penanaman semula getah di Sabah dan perancangan seterusnya; dan
- (b) apakah perancangan Kementerian dalam hal memberikan insentif kepada pengusaha tanaman getah di Sabah.

**JAWAPAN:**

- (a) Di Sabah, Kementerian Industri Utama (MPI) hanya menyelaras aktiviti penanaman semula getah di bawah Program Berimpak Tinggi (HIP) semenjak tahun 2017 yang melibatkan kawasan seluas 952 hektar. Pada tahun 2018, seluas 1,285 hektar getah telah ditanam semula di bawah program HIP. Manakala bagi tahun 2019, program HIP menyasarkan penanaman semula getah seluas 1,000 hektar di Sabah.
- (b) Pada masa ini, MPI hanya menyalurkan Insentif Pengeluaran Getah (IPG) melalui LGM kepada Lembaga Industri Getah Sabah (LIGS). LIGS akan mengemukakan tuntutan IPG kepada LGM berdasarkan tuntutan penoreh getah di Sabah apabila harga getah jatuh di bawah paras pengaktifan iaitu di bawah RM2.50 sekilogram getah sekerap. Di samping itu, penoreh getah di Sabah turut menerima peruntukan persekutuan daripada pelbagai agensi dan kementerian lain misalnya RISDA dan Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB).

**Jadual 1: Status Pelaksanaan Program Berimpak Tinggi (HIP) di Sabah**

Tahun	Tanam Semula (ha)	Tanam Baru (ha)	Jumlah (ha)
2017	952	1,182	2,134
2018	1,285	3,215	4,500
2019	1,000	4,016	5,016